



PERANGI DADAH

JANGAN JADI PEMUSNAH MASYARAKAT

Dadah merupakan musuh dan pemusnah masyarakat, bahkan penyalahgunaan najis dadah boleh merencatkan pembangunan akhlak dan sahsiah diri generasi baharu serta menjejaskan imej dan kemajuan negara.

Meningkap lembaran sejarah, dadah telah diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara sejak 19 Februari 1983.

Sejak itu, bilangan penagih dadah baharu dan penagih tegar terus meningkat dari tahun ke tahun meskipun pelbagai usaha atau program dilaksanakan oleh kerajaan, khususnya Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jabatan swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Umumnya, terdapat pelbagai kempen, poster, slogan antidadah dan model i-cegah telah dilancarkan oleh AADK untuk membendung permasalahan sosial nombor satu negara dan mengekang gejala itu terus menular.

Menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada tarikh 15 hingga 16 April 1982, telah memutuskan sebarang penyalahgunaan dadah hukumnya haram. Dadah hanya dibenarkan kegunaannya bagi tujuan perubahan atas pemantauan atau kawalan doktor yang bertauliah. Jika digunakan secara bertentangan dan di luar kawalan, hal ini mengakibatkan pelbagai masalah seperti kerosakan fungsi pelbagai organ dalam badan, menjejaskan kerukunan rumah tangga dan masalah sosial, iaitu peningkatan jenayah.

Saban hari, statistik penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia menunjukkan peningkatan secara drastik. Menurut laporan sebuah akhbar perdana, bertarikh 22 Februari 2023, sebanyak 10 074 orang belia berusia 19 hingga 39 tahun yang ditahan tahun lalu positif pelbagai jenis dadah, meningkat berbanding dengan 8935 individu tahun sebelumnya. Lebih mengejutkan, laporan dari tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 oleh Institut Kesihatan Awam (IKU) Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan sebanyak 6000 remaja di negara ini terjebak dalam penyalahgunaan dadah, manakala lebih daripada 106 000 memiliki masa lampau dengan mengambil barang terlarang seperti menghidu gam, cat, ketum, menghisap ganja, mengambil pil metamphetamine dan syabu. Tragisnya, begitu mudah generasi baharu ini terdedah akan ancaman dadah serta mendapat bekalan akses dadah melalui token-token atau keldai dadah secara langsung atau memesan melalui orang lain sama ada di dalam atau di luar sekolah dan juga di universiti. Oleh itu, hal ini dapat memberikan impak besar kepada kemampuan modal insan pada masa depan.

Penemuan ini sangat membimbangkan bukan sahaja terhadap ibu bapa, kerajaan dan pemimpin. Secara harfiahnya, hal ini

merupakan wabak yang perlu dicegah bersama dengan segera. Langkah intervensi perlu dilaksanakan dengan efektif dan bersungguh-sungguh melalui pembabitkan semua pihak dan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga bagi memerangi isu sosial dan kesan kepada pembangunan dan ekonomi negara.

Jenis Dadah

Penagihan juga telah bertukar corak dari penyalahgunaan dadah tradisional kepada jenis dadah sintetik. Jenis dadah tradisional ialah heroin, ganja, morfin, ketum dan ubat batuk, manakala dadah jenis sintetik atau tiruan yang diproses dan dihasilkan melalui makmal adalah pil kuda, syabu, ekstasi dan "ais" yang semakin mendapat tempat dalam kalangan generasi muda.

Kesan terhadap Sosial dan Ekonomi

Kesan najis dadah mengakibatkan masyarakat rasa gelisah dan kluatir akan permasalahan jenayah yang berlaku dalam kalangan penagih dadah. Terdapat kes seperti pembunuhan dan kecurian dalam keluarga yang dilakukan oleh penagih terdesak, kesempitan memerlukan wang untuk membeli dadah. Perubahan sifat seorang penagih dadah boleh berubah daripada periang menjadi pendiam, tidak terurus, lemah, tidak fokus, khayal di dalam dunia sendiri, bertindak ganas, pemarah, sikap pesimistik, mencederakan diri dan juga menghadapi masalah kewangan dengan membuat pinjaman daripada adik-beradik, rakan-rakan atau Ah Long.

Masalah sosial ini perlu dibendung dengan segera kerana jika penagih ini tidak dipulihkan, mereka akan dianggap sebagai "sampah" masyarakat yang melarat bukan sahaja membebankan keluarga, masyarakat dan negara, malah negara bakal kehilangan butir permata, iaitu tenaga muda yang merupakan pewaris masa hadapan. Sudah pasti, kerajaan dan AADK perlu mengeluarkan belanja yang banyak bukan sahaja membuka pusat pemulihan seluruh negara, malah membiayai perbelanjaan, kos kempen serta usaha pencegahan dan pemulihan dadah yang skala besar.

Penyelesaian

Peranan kerajaan dan pihak berkuasa amat penting dalam usaha memerangi dadah secara serius dan berterusan dengan menjalankan pelbagai modus operandi. Tangkapan dibuat bukan sahaja melibatkan penagih, tetapi juga pengeluar, pembuat dan pengedar atau keldai dadah. Secara lazimnya, peniaga dadah melihat aktiviti penjualan dadah boleh meraih

keuntungan yang berlipat ganda. Dalam konteks perdagangan, ada permintaan begitu juga ada penawaran.

Oleh hal yang demikian, pihak berkuasa, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kastam perlu bertindak tegas yang bukan sahaja memfokuskan usaha penangkapan penagih, namun juga menangkap kepala pengeluar, pembuat, peniaga, pengedar dan keldai dadah. Operasi telah banyak dijalankan bagi membanteras dadah bermula dengan menyita dan menghapus pusat-pusat (makmal) atau lokasi memproses dan menghasilkan dadah.


Selain itu, penanaman ganja atau ketum perlu dikawal selia kerana penanaman tumbuhan tersebut secara meluas boleh mengakibatkan penghasilan dan penyalahgunaan dadah secara ekstrem dalam kalangan golongan yang tidak bertanggungjawab.

Kempen kesedaran tentang penyalahgunaan dadah dilakukan tidak sekadar bermusim, tetapi perlu dilakukan dari semasa ke semasa dan konsisten melalui sebarang media elektronik, televisyen, radio dan media sosial bagi menyampaikan maklumat tentang bahayanya penggunaan dadah jika diguna secara luar kawalan. Dalam hal ini, seluruh rakyat Malaysia terutamanya dalam kalangan generasi baharu perlu cakna dan waspada akan bahayanya penyalahgunaan dadah sebelum jadi barah masyarakat selaras dengan pepatah mencegah lebih baik daripada merawat.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa juga perlu peka dengan memainkan peranan yang penting dalam mengawasi setiap pergaulan, tindak-tanduk, pergerakan dan perlakuan anak mereka. Hal ini sangat ditekankan kerana kebanyakan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia atau generasi muda adalah berpunca daripada faktor pengaruh kawan, persekitaran yang tidak sihat dan sifat ingin tahu atau mencuba yang akhirnya menyebabkan ketagihan yang melampau.

Pendidikan pencegahan seperti mata pelajaran sivik, pendedahan agama, dialog, diskusi, wawancara, pameran gergasi dan pembentangan oleh AADK perlu dijalankan secara meluas di sekolah rendah, menengah dan pada peringkat universiti bagi memberikan maklumat, implikasi kesedaran dan pemahaman yang jitu tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

Program ini bukan sahaja bertujuan untuk memelihara generasi baharu atau modal insan agar tidak terpengaruh atau terjerumus ke kancang penyalahgunaan dadah, malah membantu mengurangkan



statistik pelibatan generasi muda dalam permasalahan dadah. Kajian atau penyelidikan dari sudut perubatan serta penerokaan penulisan tentang isu dan kesan kepada penyalahgunaan dadah perlu diperhebat bagi membantu kerajaan dan AADK dalam mencari penyelesaian yang terbaik bagi memerangi masalah dadah dengan berkesan.

Gejala dadah dapat dibanteras melalui kerjasama antara masyarakat yang prihatin serta holistik dengan menjalankan tanggungjawab membantu, memantau, mengambil tahu akan keadaan dan persekitaran setiap ahli keluarga, jiran tetangga, rakan sebilik atau rakan sekerja sekiranya ada perubahan sikap atau terjebak dengan penagihan dadah; diminta jangan bersikap tunggu dan lihat, hendaklah segera bertindak melaporkan kepada pihak berkuasa.

Stigma penagih tegar perlu dihapuskan bagi penghuni yang baru keluar dari pusat pemulihan. Dalam situasi ini, masyarakat perlu bersikap lebih terbuka, menerima, memberikan peluang dan menyokong golongan tersebut dengan memberikan pekerjaan yang sesuai bagi mengelakkan mereka kembali menagih atau melakukan jenayah demi kelangsungan hidup.

Tuntasnya, masalah dadah ini perlu diselesaikan secara optimum bagi memastikan kemaslahatan rakyat terpelihara dengan sejahtera selaras dengan konsep Malaysia MADANI. Dadah pemusnah kehidupan, maka janganlah musnahkan kehidupan hanya disebabkan oleh dadah. □

Penulis, Pensyarah Kanan Bidang Kewartawanan, Pengajian Komunikasi dan Media, Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka.